



Zarina yang mengusahakan perniagaan rojak buah menerima Anugerah Peniaga cemerlang daripada Abdul Rahim sempena majlis terbabit.

Peniaga terima anugerah cemerlang

KUANTAN - Peniaga rojak buah di bazar Ramadan Mahkota Square di sini, sudah menjangka memenangi Anugerah Peniaga Cemerlang buat kali kedua.

Zarina Mohd Datar, 55, berkata, dia sentiasa menjaga kebersihan gerainya sepanjang perniagaan selain mematuhi syarat Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

"Saya pastikan gerai perniagaan berada dalam keadaan bersih dan kemas serta penyediaan makanan juga mematuhi peraturan MPK," katanya ketika ditemui selepas Majlis Anugerah Peniaga dan Penganjur Bazar Ramadan Cemerlang 2018, di tapak bazar Ramadan Mahkota Square, semalam.

Majlis penyampaian anugerah itu telah

disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Abdul Rahim Muda.

Sebanyak 34 lokasi bazar Ramadan beroperasi di negeri ini membabitkan 1,200 peniaga, dan seramai 12 peniaga telah menerima anugerah terbabit.

Turut hadir, Yang Dipertua MPK, Yang Dipertuanya, Datuk Fadzilla Salleh dan Setiausaha MPK, Hamiza Hamzah.

Dalam pada itu, Abdul Rahim meminta peniaga di bazar Ramadan seliaan MPK menitikberatkan kebersihan semasa menjalankan perniagaan mereka.

Katanya, aspek terbabit diutamakan bagi mengelak berlaku kes-kes tidak diingini terhadap pelanggan.

Sinar Harian
11/06/2018